

UMS lahir graduan Ijazah Doktor Falsafah

KOTAKINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah melahirkan seorang graduan pertama yang berjaya menamatkan Ijazah Sarjana Muda, Serjana dan seterusnya berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah di universiti itu.

Wong Hock Tze @Farah Wong, anak kelahiran Sandakan ini telah berjaya menamatkan program Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Elektronik.

Seorang lagi pelajar dari Nepal, Arun Prasad Baidaya, akan menerima Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Akuakultur.

Kedua-dua pelajar ini serta lima pelajar penerima sijil PHD lain, 98 orang penerima sijil Serjana dan 2,190 orang Serjana Muda adalah antara 2,295 orang graduan yang akan menerima sijil ijazah masing-masing pada majlis Konvokesyen UMS kali Keenam bertempat di Dewan Canselor UMS, yang berlangsung pada 12 dan 13 September ini.

Pada majlis Konvokesyen tahun ini juga, UMS akan menganugerahkan dua Ijazah Kehormat kepada dua orang

tokoh yang amat disegani, dari dalam dan juga luar negara.

Kedua-dua tokoh ini ialah Canselor UMS pertama, yang juga mantan Yang DiPertua Negeri Sabah, Tun Haji Sakaran Dandai, akan menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (pengurusan), manakala penerima Ijazah Kehormat Doktor Sains pula adalah Profesor Dr Koichiro Nada, seorang saintis dan doktor perubatan yang terkenal, terutamanya dalam bidang perubatan obstetrik dan ginaekologi dari Klinik Universiti, Jepun.

Disamping itu, sempena dengan majlis ini dan juga sambutan ulangtahun ke-10 UMS pada tahun ini, pelbagai aktiviti telah dianjurkan.

Antaranya ialah, hari terbuka UMS, dan ini memberi peluang kepada masyarakat umum untuk melawat muzium dan Galeri UMS di bangunan Canselori, koleksi nobel laureate dan koleksi perdana di Perpustakaan UMS, hatcheri dan akuarium di Institut Penyelidikan Marin Borneo dan juga pameran 'Institut For Tropical Biology and Conservation & Public

Awariness Component (BBEC)' di Institut Biology dan Pemuliharaan.

Tradisi Tamu Gadang juga tidak ketinggalan dan dibuka kepada orang ramai sejak Selasa hingga 13 September bertempat di Padang Kawad Palapes UMS.

Terdapat pelbagai gerai dan acara disediakan untuk para pengunjung termasuklah persembahan istimewa daripada artis Akademi Fantasia 2 yang bakal menemui para peminatnya pada 12 September jam 8.45 malam.

Sebelum ini, pada 28 Ogos lepas, UMS turut mengadakan Majlis Konvokesyen Komemoratif bagi penganugerahan ijazah kehormat kepada mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Tun Dr Mahathir Mohamad telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Ekonomi Malaysia, manakala Tun Dr Siti Hasmah pula menerima anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (pembangunan sosial).